

24 NOV 2002

Zainuddin-RTM

PENDEDAHAN 'WAJAH' PEMBANGKANG LANGKAH KOLEKTIF, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata penyiaran klip video dan dokumentari yang mendedahkan wajah ekstremisme dan cauvinisme pembangkang telah dijalankan secara kolektif di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Katanya, inisiatif RTM itu berasaskan kepada fahaman terhadap dasar kerajaan sebelum Merdeka sehingga ke hari ini.

Beliau membuat penjelasan itu berhubung dakwaan pihak pembangkang yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkannya supaya menyerang pembangkang pada setiap hari.

"Saya dimudahkan dalam menjalankan tugas ini kerana sebagai seorang wartawan, saya berkesempatan melihat pembikinan sejarah dari dekat, dari awal kemerdekaan sehingga sekarang dan dengan itu dapat membuat pengadilan yang berasas," katanya kepada Bernama.

"Adanya anggapan saya menjalankan agenda penentangan ini secara bersendirian adalah kerana saya diketahui menjuarai penentangan terhadap ekstremisme agama dan cauvinisme sejak semasa saya mengetuai kumpulan akhbar Utusan Melayu dahulu.

"Bagaimapun dalam meneruskan tugas ini di RTM, saya tidaklah bersendirian, sebaliknya sentiasa berunding dengan semua yang terlibat dalam menjalankan dasar-dasar kerajaan terutama sekali dengan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob," katanya.

Maka itu langkah yang diambil oleh RTM adalah bersifat kolektif dan bukan tindakan sendirian, kata Zainuddin.

"Dalam pada itu, saya bersetuju dengan pandangan Pengerusi DAP Lim Kit Siang bahawa saya telah melangkah kepada kedudukan yang lebih buruk, tetapi khusus kepada DAP," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ ZB